

PROGRAM SAVE, SASAR, PELANJUTAN PERKHIDMATAN KE 26 TAHUN, BANTUAN BAKTI NEGARA DAN SPAAT DAN TAPAT KEPADA WARGA PU LABUAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2899-program-save-sasar-pelanjutan-perkhidmatan-ke-26-tahun-bantuan-bakti-negara-dan-spaat-dan-tapat-kepada-warga-pu-labuan



LABUAN, 16 Jan 18 - Pangkalan Udara Labuan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan taklimat berkenaan Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR), Skim Anuiti Veteran ATM (SAVE), Perlanjutan Perkhidmatan ke 26 tahun, Bantuan Bakti Negara (BBN) dan Skim Pendidikan Anak Angkatan Tentera (SPAAT) serta Tabung Pendidikan Angkatan Tentera (TAPAT) kepada warga PU Labuan bertempat di Dewan Bangkuet Pangkalan.

Program ini telah disampaikan oleh PS 1 Pengurusan Cawang Perkhidmatan MTU, YBhg Lt Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM bagi tujuan memberi penerangan dan kefahaman kepada semua anggota.

Turut hadir PANGWILUD 2, YBhg Mej Jen Dato' Mohd Shabre bin Hj Hussein TUDM, Komander Pangkalan, Eksekutif Pangkalan, Pegawai dan Anggota PU Labuan serta dari MAWILUD 2.



